



JUARA...Khalid (kiri) bersama hadiah dimenangi.



TAHNIAH...Khalijah (kiri) juara kategori wanita.

Kejohanan Golf Aidilfitri Stafffield Country meriah

SERAMAI 130 peserta mengambil bahagian dalam acara tahunan Kejohanan Golf Aidilfitri Stafffield Country Resort, Mantin baru-baru ini.

Pengurus Besar, Henry Ng berkata, acara tahunan ini mendapat sambutan mengga-

lakkan daripada peserta pelbagai bangsa sekali gus membuktikan semangat muhibah yang terjalin sekian lama terus utuh di kalangan pemain golf tempatan.

Pada kejohanan itu, peserta diuji di lapangan yang men-

cabar dengan hampir 80 peratus bunker diubah suai. Kesukaran bunker ini setanding dengan lapangan golf terkenal lain yang terdapat di negara ini. Berikutnya buggy dibenarkan memasuki lapangan, justeru permainan di ge-

langgang itu digemari peminat golf.

Azman Khalid (handicap 6) muncul juara kategori lelaki dengan jumlah 76 pukulan manakala Siti Khalijah Abdullah (handicap 18) mengungguli kategori wanita.